



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7042 (Am)
Fax : 03-5510 3062

'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'

Ruj. Tuan : (1) dlm. IPK. Sel.
Ruj. Kami : 20279/3 Jld. 5
Tarikh : 6 Muharam 1431 H
23 Disember 2009

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 44 TAHUN 2009

PERINGATAN UNTUK MEMPAMERKAN KEPUTUSAN MUKTAMAD TENDER/SEBUT HARGA DI DALAM LAMAN WEB/PAPAN KENYATAAN AGENSI

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat yang saya terima daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 4 November 2009 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta mengambil perhatian akan para 2 hingga 4 di surat berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
b.p. Y.B. Setiausaha Kerajaan Selangor



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General to the Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
Tel. No. : 03-88823882
: 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242

S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/
10/31 Jld.28 SK.4(5)

4 November 2009



Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERINGATAN UNTUK MEMPAMERKAN KEPUTUSAN MUKTAMAD
TENDER/SEBUT HARGA DI DALAM LAMAN WEB/PAPAN KENYATAAN
AGENSI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan telah menetapkan peraturan mengenai keperluan untuk mempamerkan keputusan muktamad tender/sebut harga di dalam laman web/papan kenyataan Agensi masing-masing. Peraturan-peraturan berkaitan adalah seperti berikut:

(i) **Tender**

Para 43.4, Lampiran 1 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 bertarikh 27 Februari 2007 menghendaki supaya keputusan muktamad Lembaga Perolehan Agensi dipamerkan di papan kenyataan Jabatan dengan menyatakan nama syarikat yang berjaya, harga tawaran dan tempoh siap secepat mungkin selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan, ditandatangani dan dikembalikan dan disiarkan di dalam laman web Agensi masing-masing dan pautan (*hyperlink*) kepada laman web MyGovernment Portal [www.gov.my].

(ii) **Sebut Harga**

Para 12.4, Lampiran 1 kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 bertarikh 24 Februari 2009 menghendaki supaya keputusan muktamad Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dipamerkan di papan kenyataan Jabatan dengan menyatakan nama syarikat yang berjaya, harga tawaran dan tempoh siap/penghantaran secepat mungkin selepas pesanan Kerajaan/inden kerja dikeluarkan.

(iii) **Projek Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE)**

Para 3(ii) Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 3 April 2009 bertajuk Kemudahan Bayaran Memulakan Kerja Kepada Kontraktor Dan Penurunan Kuasa Kepada Agensi bagi Projek Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi menghendaki supaya pemberitahuan mengenai maklumat kontraktor yang berjaya hendaklah dibuat melalui notis di papan kenyataan dan laman web

Dahulukan kepada
Pen 4/12/09



DATO' RAMLI MAHMUD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR.

Agensi masing-masing setelah inden kerja/Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh kontraktor. Maklumat yang perlu dinyatakan adalah nama kontraktor, nama projek, kos projek, maklumat projek dan tempoh pelaksanaan. Bagi Pusat Tanggungjawab di peringkat daerah yang tidak mempunyai laman web, pemberitahuan tersebut hendaklah dikemukakan kepada ibu pejabat/Jabatan/Kementerian untuk dimuat naik dalam laman web peringkat ibu pejabat/Jabatan/Kementerian.


3. Hasil daripada semakan yang dibuat, Kementerian Kewangan mendapati masih terdapat Agensi yang tidak melaksanakan peraturan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, selaras dengan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan dan tahap Indeks Ketelusan, semua Agensi dikehendaki untuk mematuhi peraturan ini.

4. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu memantau dan menguatkuasakan peraturan ini bagi memastikan ia dilaksanakan sepenuhnya. Kementerian Kewangan akan mengadakan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan peraturan ini dipatuhi dan tindakan sewajarnya akan diambil terhadap Agensi yang gagal mematuhi peraturan ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri